

Selangor catat mangsa banjir paling tinggi

SHAH ALAM – Selangor masih lagi mencatatkan jumlah paling tinggi mangsa banjir iaitu 1,311 orang berbanding Melaka seramai 84 orang, Perak seramai 35 orang dan Johor seramai 143 orang.

Menurut laman portal banjir Majlis Keselamatan Negara semalam, daerah Kuala Langat mencatatkan jumlah mangsa tertinggi yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir iaitu 851 orang.

Mangsa banjir di Kuala Langat ditempatkan di empat pusat pemindahan iaitu Dewan Genting Sanyen (60), Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang (782), Dewan Orang Ramai Bukit Changgang (69) dan Dewan Bukit Tadam (86).

Di Kuala Selangor, seramai 33 mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Kampung Seri Makmur, Bestari Jaya melibatkan lapan keluarga.

Manakala di Sepang, seramai 116 mangsa ditempatkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK) Dengkil dan 165 mangsa di Dewan Orang Ramai Dengkil.